

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27 April 2017

SOALAN

Dato' Indera Hoh Khai Mun minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah kadar penyerapan OKU dalam sektor awam dan bagaimana Kementerian melonjakkan agenda penglibatan OKU dengan agensi-agensi Kerajaan Negeri sedangkan pada masa ini tiada dasar kenyataan berkenaan dengan penglibatan OKU dalam penjawat awam, khususnya di peringkat Kerajaan Negeri.

JAWAPAN

Pelaksanaan Dasar Satu Peratus Peluang Pekerjaan dalam Perkhidmatan Awam Kepada Orang Kurang Upaya (OKU) dijelaskan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2008 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2010. Dasar ini dilaksanakan selaras dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi keupayaan modal insan di kalangan rakyat Malaysia, khususnya bagi OKU dan merealisasikan hasrat menjadikan rakyat Malaysia sebagai masyarakat penyayang. Melalui dasar ini, OKU yang memiliki kelayakan akademik dan kemahiran yang sesuai dengan bidang tugas suatu jawatan akan dipertimbangkan peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam. Selaras dengan usaha kerajaan untuk mempercepatkan pencapaian dasar ini, pelaksanaannya diperkemas melalui langkah-langkah affirmative dengan izin dan pemantauan berterusan oleh suruhanjaya selaku pihak berkuasa melantik serta kementerian dan agensi di bawah kementerian sebagai agensi yang akan menerima OKU bekerja. Dasar satu peratus peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada OKU menetapkan bahawa setiap agensi hendaklah memastikan pengambilan OKU dibuat sekurang-kurangnya satu peratus daripada jumlah pegawai dalam agensi tersebut. Dasar ini diperluas meliputi pelantikan secara tetap, sementara, kontrak atau apa-apa kaedah pelantikan yang berkuat kuasa. Berdasarkan rekod Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), sehingga Dis 2016, seramai 3,696 OKU sedang berkerja di sektor awam. Daripada jumlah tersebut, seramai 531 orang sedang berkhidmat di bawah Kerajaan Negeri di seluruh Malaysia. Kementerian juga menerusi Jawatankuasa Task Force Pemantauan Isu-Isu Ketidakupayaan yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri, Dato' Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun, telah mengadakan lawatan dan program turun padang ke beberapa buah Negeri untuk menggalakkan pengambilan OKU oleh kerajaan negeri. Antara negeri yang telah diadakan perbincangan ialah Melaka, Sabah, Sarawak dan Terengganu. Kementerian berpandangan Pekeliling Perkhidmatan Bil 16 Tahun 2010 mengenai Dasar 1 Peratus Peluang Pekerjaan Dalam Perkhidmatan Awam kepada OKU yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam adalah terpakai di peringkat pusat dan negeri. Oleh itu, Kementerian berharap semua Kerajaan Negeri sewajarnya memberi perhatian khusus untuk pengambilan OKU dalam sektor awam di peringkat negeri memandangkan tiada lagi mana-mana negeri yang berjaya mencapai dasar 1% yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

